

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2001/2002**

September 2001

ESA 342 – Sistem Dorongan

Masa : [3 Jam]

ARAHAN KEPADA CALON :

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT BELAS (14)** mukasurat bercetak termasuk lampiran dan **TUJUH (7)** soalan.
2. Anda dikehendaki menjawab **LIMA (5)** soalan.
3. Agihan markah bagi setiap soalan diberikan di sisi sebelah kanan.
4. Jawab semua soalan dalam Bahasa Melayu.
5. Mesin kira bukan yang boleh diprogram boleh digunakan.

- 2 -

1. (a) Lakarkan enjin jet turbo dan sistem penomborannya yang digunakan dalam analisis kitar unggul.
- (5 markah)
- (b) Terangkan andaian-andaian yang digunakan bila melakukan analisis kitar unggul ke atas enjin jet turbo.
- (5 markah)
- (c) Buktikan daripada prinsipal pertama nisbah udara bahan api f dalam analisis jet turbo ialah:-

$$f = C_p \frac{T_o}{h_{pr}} [\tau_\lambda - \tau_r]$$

Dengan : C_p : pekali haba pada tekanan malar
 T_o : suhu ambien

$$\tau_\lambda = \frac{C_p T_{T4}}{C_p T_o}$$

$$\tau_r = \frac{T_{To}}{T_o}$$

$(T_{T..})$ = suhu genangan (stagnation temperature)

h_{pr} = nilai pemanas bahan api

(5 markah)

- (d) Tunjukkan bahawa kuasa terimbang sayap di antara pemampat dan turbin bagi nisbah suhu turbin τ_t dalam analisis enjin jet turbo unggul adalah seperti berikut:-

$$\tau_t = 1 - \frac{\tau_r}{\tau_\lambda} [\tau_c - 1]$$

(5 markah)

- 3 -

2. Enjin jet turbo dengan pembakar lanjut mempunyai data komponen enjin seperti yang berikut:

Nisbah tekanan peresap dengan kesan geseran dinding $\pi_{\max} = 0.97$

Nisbah tekanan pemampat $\pi_c = 24$

Nisbah tekanan pembakar $\pi_D = 0.92$

Nisbah tekanan muncung $\pi_N = 0.95$

Keupayaan penghantaran pemampat-turbin $\eta_m = 0.95$

Had suhu turbin $T_{T4} = 2500^\circ\text{C}$

Had suhu pembakaran lanjut $T_{T7} = 3000^\circ\text{C}$

Nisbah tekanan $\frac{P_2}{P_0} = 0.90$

Sifat-sifat gas:

Sebagai gas sejuk : $\gamma_c = 1.4$
 $C_{pc} = 1004 \text{ J/kg } ^\circ\text{k}$

Sebagai gas panas $\gamma_t = 1.3$
 $C_{pt} = 1086 \text{ J/kg } ^\circ\text{k}$

Nilai pemanasan bahan api $h_{pr} :$ $42 \times 10^6 \text{ J/kg } ^\circ\text{k}$

Enjin ini direkabentuk pada kelajuan pesawat kendalian 320 m/sec dan altitu 7000 m.

- (a) Lakarkan gambarajah dan sistem penomboran bagi enjin tersebut.

(3 markah)

- (b) Lukiskan gambarajah perhubungan suhu-entropi ($T - s$)

(2 markah)

...4/

- 4 -

(c) Kirakan kelajuan penerbangan M_0

(2 markah)

(d) Kirakan tujah khusus $\frac{F}{m_0}$

(5 markah)

(e) Kirakan jumlah nisbah udara bahan api f

(5 markah)

(f) Kirakan kecekapan keseluruhan η_0

(3 markah)

- 5 -

3. (a) Terangkan alasan mengapa kipas diperkenalkan di dalam enjin kipas turbo

(5 markah)

- (b) Terangkan mengapa enjin kipas turbo mempunyai keupayaan meningkatkan prestasi yang lebih baik pada nombor Mach tinggi dibandingkan dengan enjin sangga-turbo.

(5 markah)

- (c) Lakarkan lukisan dan sistem pernomboran stesen yang digunakan untuk analisis kitar unggul dalam engin kipas turbo dengan sistem eksos terpisah.

(5 markah)

- (d) Terangkan definisi kecekapan haba η_t , kecekapan dorongan η_p , kecekapan keseluruhan η_o , nisbah tujah FR dan nisbah pirau α dalam konteks enjin kipas turbo.

(5 markah)

- 6 -

4. Tujah bagi enjin kipas turbo mempunyai persamaan tujah yang khusus diberi sebagai:

$$\frac{F}{M_o} = \frac{a_o}{1 + \alpha} \left[\frac{V_9}{a_o} - M_o + \alpha \left(\frac{V_{19}}{a_o} - M_o \right) \right]$$

dengan	F	=	Tujah
	M_o	=	Nombor Mach
	a_o	=	Kelajuan bunyi
	α	=	Nisbah pirau (by-pass ratio)
	V_9	=	Halaju jet pada muncung utama
	V_{19}	=	Halaju jet pada muncung kedua

Dengan mempertimbangkan bahawa semua komponen enjin beroperasi pada keadaan yang unggul, tunjukkan bahawa:

$$(a) \quad \left(\frac{V_9}{a_o} \right)^2 = \frac{2}{\gamma - 1} \frac{\tau_\lambda}{\tau_r \tau_c} (\tau_r \tau_c \tau_t - 1)$$

(5 markah)

$$(b) \quad \left(\frac{V_{19}}{a_o} \right)^2 = \frac{2}{\gamma - 1} (\tau_r \tau_t - 1)$$

(5 markah)

- (c) Menggunakan keseimbangan kuasa pemampat + kipas = turbin, tunjukkan bahawa nisbah suhu turbin τ_t ialah.

$$\tau_t = 1 - \frac{\tau_r}{\tau_\lambda} [\tau_c - 1 + \alpha [\tau_f - 1]]$$

(5 markah)

...7/

- 7 -

- (d) Menggunakan keseimbangan tenaga dalam kebuk pembakaran. Tunjukkan bahawa nisbah udara bahan api adalah diberi sebagai:

$$f = \frac{C_p T_o}{h_{pr}} [\tau_\lambda - \tau_r \tau_c]$$

(5 markah)

5. Engin kipas turbo baru dengan sistem eksos terpisah yang mempunyai data komponen enjin seperti yang berikut:

- Nisbah tekanan peresap yang disebabkan oleh geseran dinding $\pi_{d\max} = 0.9\delta$
- Nisbah tekanan pemampat $\pi_b = 0.95$
- Nisbah tekanan muncung $\pi_n = 0.98$
- Nisbah tekanan muncung kedua $\pi_{nf} = 0.98$
- Nisbah tekanan pada stesen luar bagi muncung utama $\frac{P_9}{P_o} = 0.9$
- Nisbah tekanan pada stesen luar bagi muncung kedua $\frac{P_{19}}{P_o} = 0.9$
- Kecekapan politropik pemampat $e_c = 0.85$
- Kecekapan politropik kipas $e_f = 0.85$
- Kecekapan politropik turbin $e_t = 0.85$
- Had suhu turbin $T_{T4} = 1900^\circ K$.
- Kecekapan pembakar $\eta_b = 0.96$
- Kecepatan penghantaran pemampat-turbin $\eta_m = 0.95$
- Nisbah pirau $\alpha = 6$

Sifat-sifat gas:

Sebagai gas sejuk : $\gamma_c = 1.4$

$$C_{pc} = \frac{1004 \text{ J}}{\text{kg}^\circ\text{K}}$$

Sebagai gas panas: $\gamma_t = 1.3$

- 8 -

$$C_{pt} = 1096 \frac{J}{Kg^{\circ}K}$$

$$\text{Nilai pemanasan bahan api } h_{pr} = 42 \times 10^6 \text{ J/kg}$$

Enjin tersebut direkabentuk untuk mendorong pesawat pada kelajuan menjajap 400 m/saat dan altitud terbang 10 km. Disamping itu enjin ini juga direkabentuk untuk beroperasi pada nisbah tekanan kipas optimum π_f^* .

Berdasarkan pada data di atas, tentukan:

- (a) Nombor Mach bagi kelajuan pesawat

(2 markah)

- (b) Nisbah tekanan kipas optimum π_f^*

(2 markah)

- (c) Nisbah udara bahan api f

(2 markah)

- (d) Halaju keluar dari muncung kedua

(4 markah)

- (e) Nombor Mach pada stesen luar muncung utama

(4 markah)

- (f) Tujah khusus bagi enjin kipas turbo tersebut

(2 markah)

- (g) Kecekapan haba

(2 markah)

...9/

- 9 -

(h) Kecekapan keseluruhan

(2 markah)

6. (a) Beberapa kaedah telah dibangunkan bagi analisis prestasi bilah

- (i) Terangkan idea asas teori momentum.
- (ii) Terangkan idea asas bagi kaedah teori gabungan momentum/teori unsur bilah.

(10 markah)

(b) Diberikan bilah dengan data ciri-ciri seperti yang berikut.:

Kelajuan putaran : $N = 3000 \text{ Rpm}$
 Diameter bilah $D = 1.2 \text{ m.}$
 Nombor bilah $B = 4$
 Faktor aktiviti bilah $A.F = 90$

Pekali angkat bersepadu bahagian kerajang udara $C_{Li} = 0.7$

Jika kuasa kuda brek bagi enjin ialah 450 Bhp dan data C_T berbanding dengan C_p untuk AF = 80 dan AF = 120 seperti yang ditunjukkan dalam rajah 7A.5 and 7A.6.

Tentukan:


- (i) Pekali kuasa bilah C_p
- (ii) Nisbah pekali tujah dan kuasa C_T/C_p
- (iii) Tujah statik bilah T_s

- 10 -

Rajah 7A.32 dan rajah 7A-40 menunjukkan pekali kuasa C_p terhadap nisbah lanjut J , untuk jenis bilah ini. Untuk menggambarkan variasi tujahan terhadap halaju pesawat pada waktu berlepas dengan kuasa kuda brek maksimum 450 Bhp. Dijangkakan keadaan atmosfera adalah sama dengan keadaan di permukaan laut. Untuk tujuan ini, gunakan data halaju pada: halaju $V = 50 \text{ km/jam}$, 80 km/jam dan 100 km/jam . Gambarkan dalam bentuk grafik dari tujahan kehadapan ini terhadap halaju.

(10 markah)

7. Gambar di bawah ini memperlihatkan gambarajah sebuah kebuk tujahan roket unggul



Dalam kebuk pembakaran, suhu genangan t_0 dan tekanan genangan P_0 diberikan 3000°C dan 25 atm . Daripada kebuk pembakaran, gas berkembang melalui muncung secara isentropik untuk mencapai tekanan keluar 0.88 atm . Luas leher ialah 13 cm^2 . Tentukan:

- | | |
|---|------------|
| (a) Halaju aliran pada leher | (4 markah) |
| (b) Halaju aliran massa | (4 markah) |
| (c) Nombor Mach pada stesen luar | (4 markah) |
| (d) Luasan luar muncung | (4 markah) |
| (e) Tujahan yang dihasilkan oleh aliran jet | (4 markah) |




Figure 7A.5 C_T and C_P for Static Thrust with $B=4$, and $AF=80$




Figure 7A.6 C_T and C_P for Static Thrust with $B=4$, and $AF=120$




Figure 7A.32 Free Propeller Efficiency with $B=4$, $AF=100$, and $\frac{C_L}{L_1}=0.70$.




Figure 7A.40 Free Propeller Efficiency with $B=4$, $AF=180$, and $C_{L_i} = 0.70$